

UMP ambil langkah keselamatan

SINAR HARIAN 17 SEPT 2015 (SENTRAL) M/s 37
KUANTAN - Lebih 9,000 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Gambang dan Pekan diarahkan mematuhi nasihat penjagaan kesihatan berikutan jerebu yang semakin teruk melanda negeri ini.

Arahan yang dikeluarkan Jawatankuasa Bertindak Bencana Universiti, Universiti Malaysia Pahang semalam turut membabitkan kesemua kakitangan institusi pengajian berkenaan.

UMP membuat keputusan berkenaan selepas mengadakan mesyuarat termasuk memberhentikan sementara semua aktiviti luar sehingga paras bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) kembali normal.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin berkata, pihak pengurusan universiti itu turut mengedarkan topeng muka percuma sebagai usaha membendung penyakit akibat jerebu.

"Kita turut mengarahkan Klinik Kesihatan bersedia 24 jam dalam tempoh je-

rebu selain memberi kesedaran mengenai keadaan berkenaan," katanya ketika dihubungi semalam.


Bagaimanapun, katanya, sesi pembelajaran masih diteruskan tetapi sentiasa dipantau dari semasa ke semasa dan mungkin akan dibatalkan jika bacaan jerebu mencecah paras bahaya.

Sehingga kini, katanya, arahan ketat kepada mahasiswa supaya tidak melakukan sebarang aktiviti luar bagi mengelakkan masalah kesihatan.

"Mereka perlu menggunakan penutup hidung dan mulut yang sesuai jika terpaksa berada di luar.

"Bagi yang mengalami penyakit seperti batuk, selesema, asma, sakit mata dan lain-lain perlu segera mendapatkan rawatan atau datang ke klinik dengan segera," katanya.

Beliau turut menasihatkan mahasiswa menjaga kebersihan persekitaran rumah dan asrama dari sebarang pencemaran dalaman termasuk asap rokok.



Mahasiswa UMP menggunakan topeng muka selepas diarahkan berbuat demikian bermula semalam.